

TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN INTERPERSONAL GURU PELATIH PENDIDIKAN
ISLAM SEMASA MENJALANI PRAKTIKUM

Amirah Athirah Binti Zaihan
amirah11-970@epembelajaran.my
Nor Alniza Binti Azman
alniza11-69@epembelajaran.edu.my
IPG Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Ketirisan dalam penguasaan kemahiran interpersonal akan menjelaskan hubungan sosial guru pelatih dengan orang sekeliling. Kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap pengetahuan tentang interpersonal guru pelatih Pendidikan Islam (GPPI) dan tahap kemahiran interpersonal GPPI serta mengenal pasti hubungan antara kedua-dua tahap ini. Kajian tinjauan ini menggunakan borang soal selidik secara atas talian yang melibatkan sampel seramai 117 orang GPPI di Insititut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Analisis data menggunakan perisian SPSS 25.0 yang melibatkan analisis deskriptif (peratus, min dan sisihan piawai) dan analisis inferensi (Ujian Korelasi Pekali Pearson). Hasil kajian rintis berdasarkan analisis *Alpha Cronbach* bagi setiap konstruk menunjukkan tahap kebolehpercayaan ialah 0.96. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan GPPI tentang interpersonal dan tahap kemahiran interpersonal GPPI berada pada tahap yang tinggi. Hasil analisis Ujian Korelasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan GPPI tentang interpersonal dan kemahiran mereka dalam mengaplikasikan interpersonal. Implikasi kajian ini dapat memberikan garis panduan dan persediaan kepada GPPI untuk meningkatkan potensi diri dalam pengetahuan dan kemahiran interpersonal. Hal ini adalah bagi melahirkan GPPI yang berkualiti tinggi dan menjadi *qudwah* hasanah kepada masyarakat sekeliling mereka.

Kata kunci: Pengetahuan, Kemahiran Interpersonal, Guru Pelatih, Praktikum, Komunikasi.

Abstract

Lack of mastery in interpersonal skill will affect trainee teachers' social relationship with those around them. This study is conducted to examine the level of interpersonal knowledge of Islamic Education trainee teachers (IETT) and the level of interpersonal skill of IETT and to identify the relationship between these two levels. This study used an online questionnaire involving a sample of 117 IETT in Institute of Teacher Education, Islamic Education Campus, Bangi. Data analysis using SPSS 25.0 software involved descriptive analysis (percentage, mean and standard deviation) and inference analysis (Pearson Coefficient Correlation Test). The result of the pilot study based on Cronbach Alpha analysis for each construct showed a level of reliability of 0.96. The result of the study found that the level of interpersonal knowledge and the level of IETT's interpersonal skill is at a high level. The result of the Correlation Test analysis shows that there is a positive relationship between the level of interpersonal knowledge and their skill in applying interpersonal. The implications of this study can provide guidelines and preparation to IETT to increase self-potential in interpersonal knowledge and skill. This is to produce good quality of IETT and become role models to the community of their surrounding.

Key word: Knowledge, Interpersonal, Trainee teachers, Practicum, Communication.

Pengetahuan dan kemahiran interpersonal adalah penggerak utama tingkah laku seorang guru pelatih Pendidikan Islam (GPPI) dan komunikasi adalah cara untuk berhubung dengan orang lain. Kajian Fraser dalam Musa, Khalip & Hariza (2015) mendapati bahawa kemahiran interpersonal dan disiplin guru yang tidak memuaskan mempunyai hubungan negatif dengan tahap pencapaian pelajar namun sekiranya guru mempunyai personaliti yang baik, perkara ini mampu mewujudkan hubungan yang

positif dengan tahap pencapaian pelajar. Oleh yang demikian, seseorang guru perlu mengetahui cara dan teknik interaksi interpersonal yang baik untuk meningkatkan motivasi pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar. Bukan itu sahaja, sekiranya pengetahuan dan kemahiran interpersonal GPPI dalam keadaan yang baik, secara tidak langsung memberi kesan positif dengan hubungan interpersonal antara orang sekeliling di sekolah seperti murid, rakan, pentadbir dan pensyarah pembimbing. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana penguasaan GPPI terhadap pengetahuan dan kemahiran interpersonal semasa menjalani praktikum di IPGKPI. Maka, keseluruhan artikel ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada guru pelatih untuk menambahkan kelompongan yang ada ke tahap yang lebih baik.

Pernyataan Masalah

Setiap pekerjaan memerlukan kriteria personaliti pekerja dan profesionalisme kerja yang tersendiri. Guru pelatih Pendidikan Islam (GPPI) perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran interpersonal yang baik kerana mereka merupakan *role model* di sekolah. Abdullah dan Ainan (2000) mengatakan bahawa langkah pertama ke arah kecemerlangan pendidikan bermula dengan komunikasi. Ini jelas menunjukkan bahawa menjadi keperluan bagi GPPI untuk mempunyai ciri-ciri interpersonal yang baik seperti pandai berkomunikasi.

Namun, realiti yang berlaku di era pendidikan adalah guru-guru terutamanya guru pelatih Pendidikan Islam (GPPI) mengalami masalah interpersonal. Masalah ini wujud kerana kelompongan GPPI terhadap pengetahuan dan kemahiran interpersonal terhadap orang sekeliling. Antara masalah yang berlaku dalam kalangan guru pelatih adalah kurang kemahiran interpersonal dengan murid, rakan, pensyarah dan warga sekolah. Kajian Shahril@Chairil (2002) mendapati bahawa kemahiran interpersonal guru hanya berada pada tahap sederhana. Ab. Halim, Adnan, Kamisah, Shahrin, Zamri & Khadijah (2004) dalam kajiannya mendapati bahawa masih wujud beberapa aspek negatif perlakuan guru ketika mengajar seperti terlalu garang, memarahi tanpa usul periksa, menghina dan mengutuk pelajar. Seterusnya dapatan kajian oleh Nor Shafrin, Fadzilah dan Rahimi (2009) juga menunjukkan wujud kelemahan pelaksanaan interpersonal dalam kalangan guru. Mereka mendapati bahawa guru gagal menunjukkan ekspresi muka yang sesuai semasa pengajaran, hanya memberi tumpuan kepada pelajar di barisan hadapan, serta kurang memberi penghargaan atau galakan. Ini dikatakan mempengaruhi keberkesanan hubungan sosial antara GPPI dan orang sekelilingnya.

Selain itu, guru pelatih Pendidikan Islam perlu mempunyai disiplin yang tinggi dalam menjalankan tugas. Sekiranya mereka tidak mengikut peraturan yang ditetapkan, maka akan memberi kesan kepada orang lain dan secara tidak langsung hubungan interpersonal terjejas. Mohd Anuar Mamat (2016), menyatakan bahawa terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan etika guru yang menjelaskan personaliti dan interpersonal. Antaranya adalah kurang ikhlas dalam menyampaikan ilmu, tidak hadir ke sekolah tanpa sebab, merokok di kawasan sekolah, menyalahgunakan media sosial, tidak menghormati pelajar dan ibu bapa serta tidak membawa imej yang baik sebagai guru Pendidikan Islam. Kajian ini ditegaskan lagi oleh Hussin (2005) dan Ab. Halim et. al (2004) bahawa ciri-ciri berakhlik mulia dan berketerampilan baik perlu ada dalam diri seseorang GPPI dan GPI dan tidak boleh menunjukkan keaiban diri yang ketara kepada orang sekeliling seperti murid, rakan, pensyarah dan pentadbir kerana mereka adalah contoh teladan kepada masyarakat awam.

Masalah-masalah ini berlaku kerana GPPI tidak menyepadukan pengetahuan dan kemahiran interpersonal dalam kehidupan hariannya. Sekiranya GPPI mempunyai pengetahuan dan kemahiran interpersonal yang baik, maka masalah-masalah ini dapat diminimumkan. Kajian Skaggs dan Bodenhor (2006) mendapati terdapat hubungan yang signifikan terhadap pengetahuan dengan tingkah laku seseorang. Dapatkan ini disokong pula oleh kajian Ab. Halim et. al (2004) yang mendapati kekerapan yang tinggi terhadap penguasaan pengetahuan yang baik akan meningkatkan pengamalan seseorang dalam sesuatu kemahiran.

Justeru, berdasarkan kajian-kajian lepas, penting bagi pengkaji untuk melihat sejauh mana pengetahuan dan kemahiran GPPI terhadap interpersonal semasa menjalani praktikum. Sehubungan dengan itu, pengkaji tertarik dengan isu ini dan mempunyai inkuiiri yang tinggi untuk menyelami aspek interpersonal guru-guru pelatih Pendidikan Islam semasa menjalani praktikum. Hal ini demikian kerana, guru pelatih merupakan aset yang sangat berharga dalam dunia pendidikan. Mereka lah yang bakal menjadi pendidik anak bangsa untuk memacu kejayaan demi kejayaan. Kajian ini juga untuk membantu guru-guru pelatih yang mempunyai masalah kemahiran interpersonal supaya dapat meningkatkan keterampilan diri mereka sebagai seorang yang bakal bergelar guru. Ini menjadi satu medan untuk para guru pelatih khususnya guru pelatih Pendidikan Islam mencari solusi untuk memperbaiki kelompongan yang ada dalam diri mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mencapai beberapa objektif yang ingin disasarkan iaitu:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan interpersonal GPPI semasa menjalani praktikum.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran interpersonal GPPI terhadap murid, rakan, pentadbir dan pensyarah pembimbing semasa menjalani praktikum.
3. Mengenal pasti hubungan antara pengetahuan interpersonal GPPI dengan kemahiran interpersonal GPPI terhadap murid, rakan, pentadbir dan pensyarah pembimbing semasa menjalani praktikum.

Soalan Kajian

1. Apakah tahap pengetahuan interpersonal GPPI semasa menjalani praktikum?
2. Apakah tahap kemahiran interpersonal GPPI terhadap murid, rakan, pentadbir, pensyarah pembimbing semasa menjalani praktikum?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan interpersonal GPPI dengan kemahiran interpersonal GPPI terhadap murid, rakan, pentadbir dan pensyarah pembimbing semasa menjalani praktikum?

Tinjauan Literatur

GPPI perlu menguasai kemahiran interpersonal dengan baik kerana interpersonal adalah salah satu ciri yang terdapat di dalam kemahiran generik (Azda Azlin, 2004). Ini jelas dinyatakan oleh Abdullah dan Ainon (2000), bahawa bakal-bakal guru ini memerlukan pengetahuan dan kemahiran menggunakan teknik-teknik komunikasi bagi membantu mereka menjadi guru yang lebih profesional dan berkesan di dalam profesi perguruan. Menurut Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Abdullah & Ainon (2005), kemahiran interpersonal didefinisikan sebagai keupayaan untuk bersosial, berinteraksi dengan orang lain dan memahami mereka. Terdapat enam kategori kemahiran interpersonal iaitu keupayaan untuk menerima perasaan dan idea, bertanya soalan, menyampaikan maklumat dan petunjuk dan yang paling tinggi ialah kemahiran berkomunikasi (Khatijah, 2012). Ini dapat disimpulkan bahawa interpersonal menyentuh tentang aspek tingkah laku, pemikiran dan emosi serta komunikasi seseorang terhadap orang sekeliling seperti murid, rakan, pentadbir dan pensyarah pembimbing.

GPPI perlu menguasai pengetahuan interpersonal yang merangkumi konstruk tingkah laku, pemikiran dan emosi serta komunikasi. Ketiga-tiga konstruk ini penting untuk dikuasai sebagai persediaan menjadi guru yang berkualiti. Pengetahuan, kefahaman dan pengamalan akhlak mulia dalam spek ini penting bagi membina kecekapan berkomunikasi dan memegang tanggungjawab sosial sebagai pemimpin dan anggota masyarakat serta melahirkan insan yang kamil (M. Nur Mustafa & Norasmah Othman, 2010). Dengan pengetahuan interpersonal yang baik, perkara ini akan memandu seseorang itu untuk mengaplikasikan kemahiran interpersonal yang ada dalam kehidupan seharian kepada orang sekeliling seperti murid, rakan, pentadbir dan pensyarah pembimbing. Hal ini

jelas dinyatakan oleh Skaggs dan Bodenhorst (2006) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan terhadap pengetahuan dengan tingkah laku seseorang. Dapatkan ini disokong pula oleh kajian Ab. Halim et. al (2004) yang mengatakan bahawa kekerapan yang tinggi terhadap penguasaan pengetahuan yang baik akan meningkatkan pengamalan seseorang dalam sesuatu kemahiran.

Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan yang timbul tentang interpersonal dan kualiti Guru Pendidikan Islam (GPI). Menurut Kamarul Azmi, Ab. Halim & Mohd Izham (2011), kajian dan penyelidikan menunjukkan dan memperlihatkan bahawa betapa kurangnya kualiti dan interpersonal GPI. Kualiti yang kurang memuaskan ini berkait rapat dengan pengetahuan dan kemahiran interpersonal seseorang.

Sehubungan dengan itu, pengetahuan dan kemahiran interpersonal ini amat berkait antara satu sama lain dalam memberikan impak positif kepada GPI. Hal ini selari dengan Teori Pembelajaran Sosial Bandura dan Teori Kepimpinan Guru al-Ghazali yang menekankan kepada ilmu pengetahuan yang diperolehi. Ini kerana secara langsung atau tidak langsung pengetahuan tersebut memberikan impak terhadap pembentukan interpersonal seseorang. Imam al-Ghazali (1939) dalam Ahmad Sukari & Mohd Nizam (2014) menyatakan bahawa akhlak (personaliti) yang terhasil boleh dikatakan sebagai fitrah semulajadi seorang manusia dan terpancar dengan sendirinya berdasarkan dalaman seseorang. Ianya tertanam dalam jiwa, berfungsi menggerakkan sebarang tingkah laku individu dengan mudah berdasarkan pertimbangan ilmu yang ada. Tambahan, dalam kajian Santroks (2011), tindakan yang dilakukan oleh seseorang itu adalah bergantung kepada hasil interaksi kepada tiga faktor, iaitu manusia, persekitaran dan tabiat manusia. Kesannya, seseorang akan bertindak dengan kefahaman pengetahuan yang mereka ada dalam sesuatu perkara. Ini disokong oleh Bandura (1977) dalam Haseena Banu (2016) yang juga menyatakan bahawa persekitaran berperanan penting dalam pembentukan peribadi manusia. Ini membuktikan bahawa kombinasi antara pengetahuan interpersonal yang baik akan membantu mencapai tahap kemahiran dalam mengaplikasikan interpersonal yang berkesan.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif iaitu menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengetahui sesuatu isu, masalah dan fenomena dalam pelbagai perspektif terutamanya yang melibatkan sikap, pandangan, kepercayaan, tingkah laku dan persepsi. Pendekatan yang sesuai digunakan dalam kajian tinjauan ini adalah melalui borang soal selidik atas talian sebagai instrumen utama dalam pemerolehan data daripada subjek kajian.

Pensampelan

Bagi menentukan saiz sampel dalam sesebuah populasi, pengkaji telah merujuk jadual (Krejcie & Morgan, 1970). Saiz sampel bagi populasi 131 orang adalah seramai 98 orang untuk mewakili populasi. Oleh itu, sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 98 orang guru pelatih Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam yang telah pergi ke praktikum di sekolah rendah. Pengkaji telah memilih teknik pensampelan rawak mudah dalam kajian ini kerana setiap unit dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian sekali gus dapat mengelakkan berlakunya bias dalam pemilihan sampel (Chan Yan Piaw 2006). Pensampelan rawak mudah ini merupakan kaedah pensampelan yang paling asas (Mohd Lazim & Wan Muhamad Amir 2013) dan sesuai digunakan dalam kajian ini, di mana setiap unit mempunyai mekanisme peluang yang sama untuk terpilih menjadi sampel kajian.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Instrumen kajian adalah satu set borang soal selidik secara atas talian yang mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A yang berkaitan dengan demografi pelajar. Bahagian B pula berkaitan dengan tahap pengetahuan interpersonal GPPI yang merangkumi 12 item iaitu daripada aspek tingkahlaku, emosi, komunikasi dan bahagian C berkaitan dengan tahap kemahiran interpersonal GPPI yang merangkumi 16 item iaitu daripada aspek murid, rakan, pentadbir dan pensyarah pembimbing. Skala yang menguji setiap item adalah bermula dengan nilai yang rendah sehingga nilai yang tinggi. Bagi kedua-dua konstruk menggunakan skala Likert lima mata yang iaitu skor 1 mata (sangat tidak setuju), skor 2 mata (tidak setuju), skor 3 mata (sederhana), skor 4 mata (setuju) dan skor 5 mata (sangat setuju).

Bagi kesahan kandungan dan kesahan muka instrumen telah disemak dan mendapat persetujuan dua orang pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan. Panel pakar telah menilai kandungan item-item soal selidik dan memastikan bertepatan dengan konstruk yang ingin diukur. Kajian rintis telah dijalankan bagi menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen. Hasil ujian *Cronbach Alpha* item tahap pengetahuan interpersonal GPPI ialah 0.90 dan item bagi tahap kemahiran interpersonal GPPI ialah 0.96.

Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 25.0. Penganalisisan data menggunakan statistik deskriptif yang dianalisis melalui taburan frekuensi, peratusan dan min untuk mengenal pasti tahap pengetahuan tentang interpersonal GPPI dan tahap kemahiran GPPI dalam mengaplikasikan interpersonal. Manakala statistik inferensi iaitu ujian *Korelasi Pearson* pula dijalankan untuk melihat hubungan di antara pengetahuan dan kemahiran interpersonal GPPI.

Bagi menentukan tahap pengetahuan dan kemahiran interpersonal, interpretasi dibuat berdasarkan jadual pengiraan sela jeda yang dibina oleh Bahaman dan Turiman (1999) dan mengikut rumusan yang disarankan oleh Nunally (1978) seperti Jadual 1:

Jadual 1
Interpretasi Skala Min

| Nilai Min | Interpretasi |
|------------------|------------------|
| 1.00 hingga 2.00 | Rendah |
| 2.01 hingga 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 hingga 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 hingga 5.00 | Tinggi |

Dapatkan Kajian

A. Profil Responden

Kajian ini melibatkan 117 orang guru pelatih Pendidikan Islam ambilan Jun 2017. Dalam kajian ini responden merupakan pelajar semester 8 di IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Jadual 2 menerangkan tentang latar belakang sampel kajian secara lebih terperinci.

Jadual 2
Latar Belakang Demografi Sampel Kajian

| Latar Belakang Demografi | Item | Kekerapan | Peratusan (%) |
|--------------------------|-----------|-----------|---------------|
| Jantina | Lelaki | 37 | 31.6 |
| | Perempuan | 80 | 68.4 |
| Keseluruhan | | 117 | 100.0 |

Seramai 37 (31.6%) GPPI lelaki dan 80 (68.4%) GPPI yang terlibat dengan kajian ini. Hal ini demikian kerana populasi GPPI perempuan lebih tinggi berbanding GPPI lelaki di IPGKPI. Jumlah

ini menunjukkan bilangan yang seimbang dan tidak terlalu ketara, bahkan tidak mempengaruhi dapatan kajian.

B. Tahap Pengetahuan Interpersonal GPPI Semasa Menjalani Praktikum

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan interpersonal GPPI berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min = 4.29 dan sisihan piawai = 0.44. Melihat kepada konstruk pula, tahap pengetahuan GPPI terhadap konstruk komunikasi mencatatkan skor min yang tinggi melebihi min keseluruhan. Hal ini dapat dilihat daripada skor min konstruk komunikasi yang tinggi iaitu dengan nilai skor min = 4.38 dan sisihan piawai = 0.49. Ini juga boleh dibuktikan dengan jelas daripada dapatan nilai skor min item B12 “*Saya mengetahui bahawa saya perlu menjadi seorang yang memberikan tumpuan dan perhatian sepenuhnya semasa berinteraksi*” dengan nilai min = 4.53 dan sisihan piawai = 0.53. Kemudian diikuti dengan item B11 “*Saya mengetahui bahawa saya perlu menjadi seorang yang menggunakan bahasa yang sesuai semasa berinteraksi*” dengan nilai min = 4.48 dan sisihan piawai = 0.56. Dapatkan ini menunjukkan bahawa GPPI sangat menitikberatkan tentang pengetahuan komunikasi terhadap orang sekeliling.

Manakala, kajian mendapati skor min konstruk yang terendah dalam tahap pengetahuan iaitu tahap pengetahuan berkenaan dengan pemikiran dan emosi. Ini dapat ditunjukkan melalui skor min konstruk pemikiran dan emosi iaitu nilai skor min = 4.14 dan sisihan piawai = 0.53. Dapatkan ini digambarkan dengan jelas melalui nilai skor min item yang mendapat skor min terendah iaitu item B7 “*Saya mengetahui bahawa saya perlu menjadi seorang yang sentiasa mempunyai emosi yang stabil*” dengan nilai skor min sederhana tinggi = 3.99 dan sisihan piawai = 0.83. Ini menunjukkan bahawa GPPI kurang peka dengan pengetahuan tentang penguasaan emosi. Hasil dapatan kajian dapat dijelaskan secara terperinci melalui Jadual 3:

Jadual 3
Hasil Analisis Deskriptif Item Pengetahuan Interpersonal

| No | Saya mengetahui bahawa saya perlu menjadi seorang yang... | Skor min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|-----|--|----------|----------------|------------------|
| B1 | Suka mengambil berat terhadap semua orang | 4.38 | 0.60 | Tinggi |
| B2 | Suka bergaul dan bersosial | 4.29 | 0.69 | Tinggi |
| B3 | Suka membantu orang lain | 4.56 | 0.51 | Tinggi |
| B4 | Selalu menunjukkan ekspresi muka yang positif | 4.23 | 0.71 | Tinggi |
| B5 | Seorang yang tenang | 4.12 | 0.80 | Tinggi |
| B6 | Seorang yang bersemangat | 4.23 | 0.60 | Tinggi |
| B7 | Sentiasa mempunyai emosi yang stabil | 3.99 | 0.83 | Sederhana Tinggi |
| B8 | Selalu memotivasi orang sekeliling | 4.23 | 0.63 | Tinggi |
| B9 | Sebutan sentiasa jelas dan lancar semasa berinteraksi | 4.11 | 0.76 | Tinggi |
| B10 | Sentiasa mewujudkan persefahaman dengan orang lain ketika berinteraksi | 4.42 | 0.59 | Tinggi |
| B11 | Memberikan tumpuan dan perhatian sepenuhnya semasa berinteraksi | 4.48 | 0.56 | Tinggi |
| B12 | Menggunakan bahasa yang sesuai semasa berinteraksi | 4.53 | 0.53 | Tinggi |

C. Tahap Kemahiran Interpersonal GPPI Terhadap Murid, Rakan, Pentadbir Dan Pensyarah Pembimbing Semasa Menjalani Praktikum.

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap kemahiran interpersonal GPPI pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min = 4.47 dan sisihan piawai = 0.43. Dapatkan kajian berdasarkan konstruk pula menunjukkan bahawa tahap kemahiran interpersonal GPPI terhadap konstruk pensyarah pembimbing mencatatkan skor min yang tinggi melebihi min keseluruhan. Hal ini dapat dilihat daripada skor min konstruk pensyarah pembimbing yang tinggi iaitu dengan nilai skor

$\min = 4.59$ dan sisihan piawai = 0.46. Hasil dapatan item membuktikan bahawa GPPI dapat mengaplikasikan kemahiran interpersonal terhadap pensyarah pembimbing dengan baik. Hal ini dapat dilihat daripada skor min item C16 “*Saya sentiasa menghargai idea baru pensyarah pembimbing untuk menambah baik gaya pengajaran saya*” dengan nilai $\min = 4.74$ dan sisihan piawai = 0.48. Kemudian diikuti dengan item C13 “*Saya akan menggunakan bahasa yang sopan semasa berinteraksi dengan pensyarah pembimbing*” dengan nilai $\min = 4.65$ dan sisihan piawai = 0.53.

Manakala, kajian mendapati skor min konstruk dalam tahap kemahiran mengaplikasikan interpersonal yang terendah adalah pada konstruk pentadbir. Ini dapat ditunjukkan melalui skor min konstruk pentadbir iaitu nilai skor min = 4.32 dan sisihan piawai = 0.57. Jika dilihat skor item, item C10 yang merekodkan nilai terendah “*Saya selalu bertukar pendapat dan idea dengan pentadbir tentang kemajuan sekolah*” dengan nilai skor min = 3.94 dan sisihan piawai = 0.92. Ini membuktikan bahawa GPPI kurang mengaplikasikan kemahiran interpersonal terhadap pentadbir. Kemungkinan jurang antara GPPI dan pentadbir agak ketara disebabkan oleh sebab-sebab tertentu seperti kurang berjumpa dan berinteraksi satu sama lain. Hasil dapatan kajian dapat dijelaskan secara terperinci melalui Jadual 4:

Jadual 4
Hasil Analisis Deskriptif Item Kemahiran Interpersonal

| No | Item Soalan | Skor min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|----|---|----------|----------------|------------------|
| 1 | Saya sentiasa memberikan arahan yang jelas kepada murid untuk melakukan aktiviti | 4.35 | 0.60 | Tinggi |
| 2 | Saya suka memberikan semangat dan motivasi kepada murid | 4.56 | 0.54 | Tinggi |
| 3 | Saya selalu membantu murid menyelesaikan masalah yang mereka hadapi di dalam kelas | 4.45 | 0.60 | Tinggi |
| 4 | Saya akan menunjukkan ekspresi muka yang sesuai semasa mengajar di dalam kelas. | 4.53 | 0.59 | Tinggi |
| 5 | Saya selalu menjadi pendengar yang baik sekiranya rakan saya menghadapi masalah | 4.54 | 0.55 | Tinggi |
| 6 | Saya suka membantu rakan yang memerlukan bantuan | 4.62 | 0.52 | Tinggi |
| 7 | Saya sentiasa berkongsi idea dengan rakan saya untuk menjadi bakal guru yang cemerlang | 4.51 | 0.62 | Tinggi |
| 8 | Saya akan memberikan maklum balas yang relevan dengan cepat kepada rakan | 4.28 | 0.66 | Tinggi |
| 9 | Saya sentiasa berusaha untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan pentadbir sekolah | 4.56 | 0.56 | Tinggi |
| 10 | Saya selalu bertukar pendapat dan idea dengan pentadbir tentang kemajuan sekolah | 3.94 | 0.92 | Sederhana Tinggi |
| 11 | Saya akan memastikan harapan pentadbir sekolah kepada saya tercapai dengan jayanya | 4.38 | 0.64 | Tinggi |
| 12 | Saya sentiasa berfikiran positif sekiranya diberikan tugas oleh pentadbir sekolah | 4.42 | 0.64 | Tinggi |
| 13 | Saya akan menggunakan bahasa yang sopan semasa berinteraksi dengan pensyarah pembimbing | 4.65 | 0.53 | Tinggi |
| 14 | Saya sentiasa fokus akan pesanan yang diberikan oleh pensyarah pembimbing | 4.61 | 0.52 | Tinggi |
| 15 | Saya selalu berbincang dengan pensyarah pembimbing untuk meningkatkan potensi diri | 4.40 | 0.64 | Tinggi |
| 16 | Saya sentiasa menghargai idea baru pensyarah pembimbing untuk menambah baik gaya pengajaran | 4.74 | 0.48 | Tinggi |

saya

D. Hubungan Antara Pengetahuan Interpersonal GPPI Dengan Kemahiran Interpersonal GPPI Terhadap Murid, Rakan, Pentadbir Dan Pensyarah Pembimbing Semasa Menjalani Praktikum.

Jadual 5 menunjukkan nilai pekali korelasi yang diperoleh daripada hasil analisis yang telah dijalankan. Kajian mendapati bahawa pekali Korelasi Pearson antara pengetahuan interpersonal GPPI dengan kemahiran GPPI dalam mengaplikasikan interpersonal terhadap murid, rakan, pentadbir dan pensyarah pembimbing semasa praktikum adalah $r = 0.73$, $P = 0.00$ ($p < 0.05$). Ini menunjukkan kedua pemboleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap yang kuat.

Jadual 5

Hubungan Antara Pengetahuan Dan Kemahiran Interpersonal

| Pemboleh Ubah | Pekali Kolerasi Pearson (r) | Tahap Signifikant | Interpretasi Kekuatan Hubungan |
|---|-----------------------------|-------------------|--------------------------------|
| Pengetahuan dan Kemahiran Interpersonal GPPI | 0.73** | 0.00 | Kuat |

** Signifikant pada aras 0.01

Secara rumusannya, keputusan kajian telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan interpersonal GPPI dengan kemahiran GPPI dalam mengaplikasikan interpersonal terhadap murid, rakan, pentadbir dan pensyarah pembimbing semasa menjalani praktikum.

Perbincangan dan Cadangan

Dapatkan kajian keseluruhan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan interpersonal GPPI pada tahap yang tinggi. Analisis data menunjukkan kecenderungan GPPI terhadap pengetahuan tentang komunikasi lebih tinggi daripada tingkah laku serta pemikiran dan emosi. Ini menunjukkan bahawa GPPI sedar dan cakna tentang keperluan pengetahuan interpersonal dalam kehidupan seorang guru. Penemuan ini selaras dengan kajian Ahmad Johari dan Abdul Rahim, Jamaluddin & Nor Salis (2006), namun begitu, kajian ini bertentangan dengan Kajian Shahril @ Chairil (2002) yang mengatakan bahawa sifat interpersonal guru Pendidikan Islam yang dikaji berada dalam tahap yang sederhana sahaja asbab kefahaman pengetahuan yang ada dalam diri. Berdasarkan dapatan ini juga, pengkaji menyimpulkan bahawa GPPI memenuhi kriteria bakal guru yang mempunyai intelek yang tinggi terhadap konstruk komunikasi, tingkah laku dan pemikiran serta emosi. Ini kerana, di IPG Kampus Pendidikan Islam, GPPI telah didedahkan dengan silibus, pedagogi dan etika keguruan yang menjadi panduan kepada mereka dalam menguasai pengetahuan interpersonal. Dengan itu, perkara ini akan memandu seseorang guru itu membuat tindakan yang baik. Tanpa pendidikan dan pengetahuan yang lengkap dan bermutu, maka agak sukar kita dapat menjamin pembentukan individu, masyarakat dan bangsa yang kuat dan mulia. GPPI juga perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan sebagai panduan dalam kehidupan. Justeru, perkara ini jelas menunjukkan betapa pentingnya pengetahuan, kefahaman, penghayatan dan pengamalan akhlak mulia dalam diri seseorang bagi melahirkan insan yang kamil (M. Nur Mustafa & Norasmah Othman, 2010).

Bagi menjawab soalan kajian kedua pula, hasil kajian mendapati bahawa tahap kemahiran GPPI tinggi dan pengkaji mendapati bahawa GPPI mempunyai hubungan yang sangat baik dengan pensyarah pembimbing serta rakan berbanding dengan murid dan pentadbir semasa praktikum. Dalam hal ini, implikasi kepada GPPI ialah mereka juga perlu memberi tumpuan kepada kemahiran interpersonal terhadap warga sekolah iaitu murid, guru dan pentadbir dengan mewujudkan komunikasi yang berkesan, tingkah laku yang mulia dan penguasaan emosi yang baik. Hal ini

membuktikan bahawa GPPI sememangnya perlu mahir mengaplikasikan kemahiran interpersonal kerana terdapat banyak kepentingannya kepada seorang guru pelatih. Ini selari dengan kajian Gardener (1993) dalam Siti Nursaila & Faridah (2002), yang mengatakan kemahiran interpersonal merupakan perkara utama yang perlu dititikberatkan. Namun, daptatan ini bertentangan dengan kajian Nor Shafrin, Fadzilah dan Rahimi (2009) yang menyatakan bahawa wujud kelemahan pelaksanaan interpersonal dalam kalangan guru. Berdasarkan daptatan kajian, pengkaji merumuskan bahawa GPPI berkebolehan bekerjasama yang baik dengan orang sekeliling terutamanya pensyarah pembimbing dan rakan kerana mereka banyak memberikan suntikan semangat yang besar semasa GPPI menjalani praktikum. Menurut Siti Nursaila & Faridah (2002), dalam sesbuah sekolah guru perlu berinteraksi sosial dengan pelajar dan rakan sekerja. Ini jelas menunjukkan bahawa kajian Siti Nursaila & Faridah (2002) ini menekankan tentang keperluan mengaplikasikan kemahiran interpersonal. Justeru, jelas bahawa kemahiran interpersonal ini sangat penting kerana penguasaannya dapat membantu dalam berinteraksi dengan orang ramai dan membina hubungan baik dengan masyarakat sekeliling.

Seterusnya, keputusan kajian telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan interpersonal GPPI dengan kemahiran interpersonal GPPI. Hasil kajian ini selaras dengan Skaggs dan Bodenhor (2006) & Ab. Halim et. al (2004), namun bertentangan dengan kajian Mohd Fadzli (2007) dalam kajian Nor Alniza (2019), yang mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran yang diukur terhadap keseimbangan kognitif dan tingkah laku positif. Berdasarkan daptatan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kedua-duanya berhubung secara positif dan pada kekuatan hubungan yang kuat. Bukinya, semakin tinggi pengetahuan interpersonal, semakin tinggi kemahiran interpersonal GPPI semasa menjalani praktikum. Ini bertepatan dengan teori pembelajaran sosial Bandura dan teori kepimpinan guru al-Ghazali yang menjelaskan bahawa ilmu pengetahuan dapat memberikan impak terhadap pembentukan interpersonal seseorang ke arah yang lebih baik (Bandura, 1977 & al-Ghazali, 1939).

Kesimpulan

Pengetahuan dan kemahiran interpersonal menjadi satu keutamaan buat guru-guru pelatih. Hal ini demikian kerana, seorang yang bergelar guru banyak bersosial dengan orang sekeliling dan kemahiran ini perlu dikuasai oleh semua lapisan guru sama ada guru pelatih maupun guru sebenar. Negara bukan sahaja memerlukan seseorang yang berkemahiran teknikal sahaja malah kemahiran interpersonal merupakan satu kemahiran yang perlu diterajui dengan baik. Dengan itu, lahirlah guru-guru pelatih yang mempunyai kualiti dan menjadi guru yang lebih professional dan berkesan dalam profesion perguruan. Dalam melahirkan guru pelatih yang mempunyai kemahiran interpersonal yang baik hendaklah disertakan dengan ilmu pengetahuan dan amal sebagai bekalan sepanjang perjalanan menjadi seorang pendidik.

GPPI perlu sedar akan tanggungjawabnya bukan sekadar mengajar murid, bahkan menjadi contoh teladan yang baik kepada masyarakat sekeliling. Oleh yang demikian, GPPI juga perlu sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti diri kerana masih ada kelompongan yang perlu ditampung sebagai persediaan awal sebelum memulakan *taklifan* sebenar sebagai guru di sekolah. Hubungan yang baik hendaklah dititikberatkan oleh GPPI kepada semua lapisan masyarakat termasuklah pentadbir, guru sekolah dan murid-murid. Ketirisan yang berlaku agak membimbangkan dan perlu diberi kesedaran agar keseimbangan hubungan sosial terhadap orang sekeliling dapat diwujudkan. Justeru, GPPI perlu bijak memanfaatkan segala bentuk ilmu, aktiviti dan program yang diadakan untuk dijadikan peluang meningkatkan potensi dalam diri.

Rujukan

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2000). “*Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bestari*”. Kuala Lumpur: Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd.

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2005). Kemahiran Interpersonal Untuk Guru. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. (2004). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ahmad Sukari Mohamad & Mohd Nizam Sahad. (2014). Teori Kepimpinan Guru Dalam Pendidikan Berasaskan Pemikiran Al-Ghazali: Satu Perbandingan Dengan Teori Kepimpinan Pendidikan Barat. *Jurnal Afkar Edisi Khas* (2014): 163-196
- Ahmad Johari Bin Hj Sihes, Abdul Rahim Bin Hamdan, Jamaluddin Bin Ramli dan Nor Salis Bte Samingen. (2006). *Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, UTM Skudai, Johor
- Azda Azlin bt Ros. (2004). Pengaplikasian Kemahiran Interpersonal Di Kalangan Pelajar Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Fakulti Pendidikan, Utm Skudai. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahaman, A. S., & Turiman, S. (1999). *Statistic for Social Research with Computer Application*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia Press.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review*, 84(2): 191-215.
- Chan Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. (Buku 1). Kuala Lumpur: Penerbit McGraw-Hill
- Gardner, H. (1993). *Art, Mind and Brain*. Ind Edition. New York: Basic Books.
- Haseena Banu Abdul Kalam. (2016). Pengaruh Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah laku Disiplin Murid Sekolah Rendah Di Klang, Selangor, Malaysia. *Tesis Sarjana Muda*: Universiti Putera Malaysia.
- Hussin, Z. (2005). *Mendidik Generasi Berakhlaq Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam*. Masalah Pendidikan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Halim Ab. Halim, Mohd Izham bin Mohd Izham. (2011). *Pendidikan Islam: Cabaran Alaf Baru. Seminar Pendidikan Islam al-Madrasah 30 Oktober 2011*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Khatijah Ismail. (2012). *Tahap Kesediaan Guru Pelatih Dari Aspek Komunikasi Interpersonal Sebelum Menjalani Latihan Mengajar* (Doctoral Dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological measurement 30: 607-610.
- M. Nur Mustafa, & Norasmah Othman. (2010). The Effect of Work Motivation on Teacher's Work Performance In Pekanbaru Senior High Schools, Riau Province, Indonesia. *Sosiohumanika*, 3(2).
- Musa, Khalip, & Hariza Abd Halim. (2015). Kemahiran Interpersonal Guru Dan Hubungan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar (Interpersonal Teacher Skill and It's Relationship With Students' Academic Achievement). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 40(2), 89-99.
- Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman. (2009). Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, Jil. 24, 125– 142, 2009 125.
- Nor Alniza Azman. (2019). Kefahaman Terhadap Ketokohan Khulafa Ar-Rasyidin Sebagai Role Model dan Amalan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Puchong Selangor. *Tesis Ijazah Sarjana*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nunnally, J. C. (1978). An Overview of Psychological Measurement. *Clinical Diagnosis of Mental Disorders*, 97-146.

- Santrok, J.W. (2011). *Education Psychology*. New York: McGraw-Hill.
- Shahril @ Charil Marzuki. (2002). *Amalan Pengajaran Guru yang Berkesan: Kajian di beberapa Sekolah Menengah di Malaysia*. Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Siti Nursaila Alias & Faridah Ibrahim. (2015). The Level Of Mastering Forces in Equilibrium Topics By Thinking Skills. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 2(5), 18-24.
- Skaggs, G. & Bodenhorn, N. (2006). Relationships between Implementing Character Education, Student Behavior, and Student Achievement. *Journal of Advanced Academics*. 18(1). pp. 82-114.